

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT BERI TUMPUAN DI KAWASAN TARIKAN PELANCONG DI BANDARAYA MELAKA

Kongsi barangan keperluan kepada 30 buah keluarga sempena sambutan Tahun Baru Cina

MELAKA, 4 FEBRUARI 2024 – Sempena Tahun Baru Cina kali ini, SWM Environment akan menumpukan kawasan-kawasan tumpuan pelancong di pusat Bandaraya Melaka sebagai persediaan menyambut kedatangan pelancong sepanjang cuti Tahun Baru Cina kali ini.

Menurut Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment, fokus akan diberikan kepada Jonker Walk dan sekitar Bangunan Merah (Stadhuys) di Bandar Hilir. Beliau menyatakan bahawa operasi di kawasan tersebut akan diteruskan dari jam 4 petang hingga 1 pagi, dengan penambahan tenaga kerja pembersihan sebanyak 10 hingga 15 orang di kawasan-kawasan terbabit sepanjang cuti Tahun Baru Cina.

Beliau turut menyatakan bahawa kerja-kerja kutipan sisa domestik dan pukal di negeri Melaka sepanjang sambutan Tahun Baru Cina 2024 akan berjalan mengikut jadual biasa tanpa penambahan atau perubahan hari kutipan. Ini termasuk jadual operasi pembersihan longkang dan pemotongan rumput.

“Orang ramai dinasihatkan untuk merujuk jadual kutipan dan operasi pembersihan di kawasan tempat tinggal dalam laman web <https://swm-environment.com> untuk mendapatkan maklumat lanjut. Selain itu, orang ramai juga diminta membuang sampah di tong sampah dan menjadikan amalan menjaga kebersihan sebagai tanggungjawab bersama apabila berkunjung ke kawasan pelancongan. Sebarang aduan boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472”, tambah beliau.

Selain itu, SWM Environment juga bekesempatan menyumbangkan barangan berbentuk keperluan dapur kepada 30 buah keluarga dari sekitar Semabok, Taman Seri Telok Mas, Kampung Tersusun Bukit Larang dan Ujong Pasir bagi meringankan beban mereka dalam membuat persiapan menjelang Tahun Baru Cina.

Turut hadir pada Program SWM Kasih Misi Sampul Merah sempena Tahun Baru Cina di Telok Mas di sini adalah YB Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Telok Mas, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mulai tahun 2024, mata ganjaran yang terkumpul hanya sah untuk tempoh dua tahun dan boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia di 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM Environment di 012-618 0082.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com